

Kertas Bil. 40/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN MSNS HOLDINGS SDN. BHD
(MSNSH)**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MSNS HOLDINGS SDN. BHD (MSNSH).

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

2. PENDENGARAN TERTUTUP

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013, Siri 1 pada muka surat 17-37, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 8 Julai 2014 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat MSNS Holdings Sdn. Bhd. Wakil-wakil daripada MSNS Holdings Sdn. Bhd (MSNSH) hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

1. Y.B Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli
3. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli

Jabatan yang dijemput adalah MSNS Holdings Sdn. Bhd (MSNSH):

1. Encik Rohaidi bin Tugiro
Pengurus Besar MSNS Holdings Sdn Bhd
2. Puan Mudirah binti Muhammad Nor
Penolong Akauntan/Setiausaha

3. Encik Rashidi bin Junid
Pengurus Akaun MBI

4. Puan Nooraidah binti Noorizan
Eksekutif Kewangan

5. Encik Badrul Hisham bin Abu Bakar
Eksekutif

3. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA

Laporan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepetimana pada 1 Oktober 2014 setelah dua ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri meletakkan jawatan:

- i) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
- ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz yang meletakkan jawatan pada 1 Oktober 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 1 Oktober 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 5 November 2014:

1. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4. Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli

Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa

Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang sebelum ini seperti berikut;

1.	Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
3.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
5.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
6.	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves dan Pengarah MSNSH)	Ahli
7.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli

4. LATARBELAKANG MSNS Holdings Sdn. Bhd (MSNSH)

MSNSH ditubuhkan pada tahun 1991 dan merupakan syarikat subsidiari kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor. Aktiviti utama MSNSH bermula pada tahun 1995 sebagai *Holdings Company* yang menerima pendapatan melalui pelaburannya dalam dua syarikat subsidiari iaitu Pusat Akuatik Darul Ehsan Sdn Bhd dan MSNS Facilities Management Sdn Bhd. Pada masa kini, Pusat Akuatik diuruskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan MSNS Facilities Management dijadikan dorman. Pada bulan Julai 2009, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan penstrukturran semual MSNSH dijadikan syarikat milik penuh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dengan memiliki modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM 1 juta. Pada 21 Oktober 2009, MMKN telah meluluskan pindah milik beberapa aset MSN Selangor kepada MBI.

5. PENEMUAN AUDIT, STATUS KEWANGAN DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2013 mendapati prestasi kewangan MSNSH adalah kurang memuaskan. Juruaudit bertauliah telah menyuarakan kewujudan ketidakpastian yang ketara terhadap keupayaan syarikat ini untuk

beroperasi secara berterusan (*continue as a going concern*). Selain itu, pengurusan aktiviti kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat MSNSH adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan.

Seiring dengan teguran Audit dan hasil daripada pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat enam kelemahan yang perlu diperbaiki oleh MSNSH. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan disebut adalah seperti berikut:

- 1) Prestasi kewangan kurang memuaskan;
- 2) Prestasi keuntungan aktiviti utama tidak mencapai sasaran;
- 3) Perjanjian perkhidmatan pengurusan aset dan perjanjian penyewaan belum disediakan/ditandatangani;
- 4) Yuran pengurusan hotel dan sewa premis yang tertunggak;
- 5) Penyenggaraan aset kurang memuaskan kerana pemantauan yang kurang berkesan daripada MSNSH dan pemilik aset iaitu MBI dan Kerajaan Negeri;
- 6) Tadbir urus korporat kurang memuaskan.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1 Prestasi Kewangan Kurang Memuaskan

Semakan Audit

1. MSNSH menghadapi kerugian selepas cukai RM56,275 pada tahun 2010 dan RM4,397 pada tahun 2012. Sehingga 2012, kerugian terkumpul MSNSH ialah RM424,563.
2. Daripada tahun 2010 ke 2012, nisbah kadar semasa MSNSH adalah kurang memuaskan, iaitu 0.57:1, 0.33:1 dan 0.37:1. Kadar kecairan ini menunjukkan MSNSH tidak mampu untuk menyelesaikan hutang jangka masa pendek dengan aset semasanya.
3. Nisbah pulangan ke atas aset (ROA) dan nisbah pulangan ke atas ekuiti (ROE) juga tidak memuaskan:
 - a. ROA: -0.02:1 (2010), 0.013:1 (2011) dan -0.001:1(2012)
 - b. ROE: -0.06:1 (2010), 0.04:1 (2011) dan -0.004:1(2012)

Perakuan MSNSH

1. Prestasi kewangan MSNSH kurang memuaskan kerana mempunyai kerugian terkumpul sehingga tahun 2012 berjumlah RM 424,563 yang diwarisi daripada penubuhan syarikat sehingga tahun 2006 yang berjumlah RM 720,673.
2. Kerugian yang diwarisi merupakan hutang Majlis Sukan Negeri Selangor sebelum tahun 2008. Hutang tersebut diselesaikan dengan *contra off* daripada hasil pendapatan pengurusan aset MBI dan pinjaman daripada MBI kerana MSNSH tidak menerima geran dan tidak mempunyai wang tunai semasa untuk menyelesaikan hutang tersebut.
3. MSNSH dalam proses membuat perjanjian lengkap menyelesaikan hutang MSN yang lama. Hutang yang diwarisi daripada MSN dijangka diselesaikan pada bulan Julai 2020.

Penemuan Jawatankuasa

1. MSNSH tidak mempunyai model perniagaan yang baik.
2. MSNSH tidak meningkatkan fleksibiliti dan daya saing dalam menjalankan urusan perniagaan supaya dapat menambahkan pendapatan.
3. MSNSH tidak berusaha mencari jalan menyelesaikan hutang yang diwarisi oleh MSNSH dengan segera supaya matlamat dan objektif utama MSNSH iaitu pengurusan aset MBI dapat dicapai.

6.2 Prestasi Keuntungan Aktiviti Utama Tidak Mencapai Sasaran

Semakan Audit

1. Bagi pengurusan aset, rumah kedai No. 51A, No.14A dan No.51 di Tadisma Business Park, Seksyen 13, Shah Alam milik MBI tidak disewakan sejak bulan Januari 2010.
2. Selain itu, tiga unit rumah teres 11/2 tingkat di Taman Seri Pertam, Mukim Sebatu, Daerah Jasin, Melaka milik MSNSH masih kosong sejak bulan Januari 2012.
3. Bagi pemasaran hotel pula, penurunan prestasi keuntungan aktiviti bagi tahun 2011 dan 2012 adalah disebabkan MSNSH tidak lagi menerima hasil komisen yang diperoleh daripada Persatuan Bola Sepak Selangor yang telah menghentikan penempatan pemain bola sepak dari menginap di Carlton Holiday Hotel & Suites milik MBI.

Perakuan MSNSH

1. Bermula Januari 2014, MSNSH telah mendapatkan penyewa bagi mendiami rumah kedai No. 51 dan No.51A untuk menambahkan pendapatan.

2. Bermula tahun 2011, polisi MSNSH memberikan kemudahan penginapan dan makan minum kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Selangor di Carlton Hotel telah ditarik balik.
3. Pindah milik rumah kedai yang kosong bernombor 14A yang sebelum ini dimiliki oleh MSN masih belum dilaksanakan kerana mempunyai tunggakan hutang dengan bank. MSN telah mengambil keputusan untuk menjual rumah kedai kosong tersebut kerana mempunyai pembeli dan hasil daripada jualan tersebut akan digunakan untuk melangsakan hutang Majlis Sukan Negeri Selangor.

Penemuan Jawatankuasa

1. Prestasi pengendalian aset MSNSH tidak memuaskan. Ia tidak mempunyai rancangan ataupun strategi untuk meningkatkan prestasi pulangan ke atas aset (*ROA*) terhadap aset-aset yang diterima oleh MBI.

6.3 Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Aset Dan Perjanjian Penyewaan Belum Disediakan/Ditandatangani

Semakan Audit

1. Perjanjian perkhidmatan pengurusan antara MSNSH dengan MBI bagi menguruskan lima aset MBI termasuk Carlton Hotel telah disediakan pada bulan April 2012 namun masih belum ditandatangani.
2. Enam dokumen perjanjian sewaan antara MSNSH dengan penyewa belum ditandatangani manakala 4 dokumen perjanjian sewaan telah tamat tempoh dan masih diperbaharui.

Perakuan MSNSH

1. Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan PKNS telah diadakan pada 4 Februari 2014 bersama pihak UPEN, BKP (SUK), MBI dan MSNSH yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membincangkan Perjanjian Pengurusan. BKP (SUK) telah menghantar Draf Perjanjian yang telah didraf oleh MSNSH untuk semakan Kamar Penasihat Undang-undang SUK.
2. Kebanyakan dokumen perjanjian sewaan telah disempurnakan kecuali pihak Majlis Sukan Negeri Selangor yang memohon tempoh untuk menandatangan perjanjian dan pihak Majlis Belia Selangor yang telah berpindah pejabat.
3. MSNSH menjangkakan untuk mendapatkan geran Selangorku setelah perjanjian perkhidmatan pengurusan selesai untuk menaiktaraf gelanggang futsal di Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor. Sebelum ini, MSNSH terpaksa

mengeluarkan peruntukan sendiri untuk melakukan kerja-kerja menaiktaraf gelanggang di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor.

4. Perjanjian perkhidmatan pengurusan aset Carlton Hotel milik MBI antara MSNSH dan syarikat pengendali tidak mempunyai *exit clause*.

Penemuan Jawatankuasa

1. Sebelum Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan pada 4 Februari 2014 diadakan, Kerajaan Negeri tidak mengetahui bahawa KBKNS merupakan milik Kerajaan Negeri kerana pengurusan aset tersebut tidak ditunjukkan dalam audit dan penyata kewangan.
2. MSNSH hanya bergantung kepada penerimaan geran Selangorku untuk menyenggara aset-aset MBI kerana tidak mampu menjana keuntungan yang cukup untuk membiayai kos penyelenggaraan sendiri.
3. MSNSH tidak mendapat pandangan MBI semasa menandatangani perjanjian perkhidmatan pengurusan aset dengan syarikat pengendali Carlton Hotel. Perjanjian tersebut memihak kepada syarikat pengendali dan tidak mempunyai *exit clause*. Ini telah mengakibatkan situasi dimana syarikat pengendali mendapat keuntungan tetapi MSNSH menghadapi kerugian.

6.4 Yuran Pengurusan Hotel Dan Sewa Premis Tertunggak

Semakan Audit

1. Syarikat pengendali Carlton Holiday Hotel and Suites tidak menjelaskan yuran pengurusan berjumlah RM 80,000 sebulan berdasarkan klausa 3.1 Perjanjian *Property Management Agreement* (perjanjian pengurusan). Yuran pengurusan hotel yang dibayar oleh syarikat pengendali merupakan kadar tetap selama 20 tahun berdasarkan perjanjian pengurusan asset bersama syarikat pengendali.
2. Berdasarkan Laporan Bahagian Pengurusan Harta MSNSH yang dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MSNSH pada 1 Ogos 2013, pihak Audit mendapati sehingga bulan Jun 2013, terdapat tunggakan hasil sewaan berjumlah RM 82, 640 daripada pengurusan aset yang dimiliki oleh MBI dan Kerajaan Negeri

Perakuan MSNSH

1. MSNSH telah menerima bayaran bagi yuran pengurusan hotel sebanyak RM 420,000 daripada operator hotel pada 28 Februari 2014.

- Manakala bagi penyewa di KBKNS, MSNSH telah mendapatkan kesemua hasil tertunggak kecuali daripada Majlis Kebudayaan Negeri Selangor yang masih menunggu saluran geran daripada Kerajaan Negeri.

Penemuan Jawatankuasa

- MSNSH tidak mempunyai amalan memantau bayaran yuran pengurusan hotel dan sewa premis yang sistematik dan secara berkala.

6.5 Penyenggaraan Aset Kurang Memuaskan

Semakan Audit

- Walaupun kertas cadangan membaiki bumbung Carlton Hotel telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI pada 29 Julai 2013, lawatan Audit pada 18 September 2013 mendapati tindakan pemberian belum dilaksanakan.
- Antara tahun 2012 dan 2013, terdapat retakan dan regangan pada apron slab Dewan Raja Muda Musa KBKNS berukuran 17 cm.
- Selain itu, walaupun MSNSH telah mengemukakan kertas cadangan menaik taraf bangunan, dewan dan gelanggang futsal KBKNS, MSNSH terpaksa menggunakan peruntukan sendiri kerja menaik taraf kerana Kerajaan Negeri masih belum mengemukakan maklum balas berhubung perkara berikut.

Perakuan MSNSH

- MSNSH melalui MBI telah membuat lantikan kontraktor Panorama Utama Enterprise pada 9 Januari 2014 yang lalu untuk membaik pulih bumbung bangunan Carlton Hotel dan telah siap pada 11 April 2014.
- Pada 6 dan 7 Mac 2014, pihak JKR telah membuat pemeriksaan berhubung penyenggaraan dan menaik taraf bangunan, dewan dan gelanggang futsal KBKNS. Pemeriksaan ini merangkumi bangunan, mekanikal dan elektrikal.
- Laporan penilaian pemeriksaan JKR berhubung penyenggaraan dan kerja-kerja menaik taraf KBKNS telah dihantar sepenuhnya pada 9 Jun 2014. Pihak JKR menganggarkan kos baik pulih keselamatan berjumlah RM 2.235 juta.

Penemuan Jawatankuasa

- MSNSH tidak mampu membiayai kos baik pulih keselamatan KBKNS jika tidak menerima geran Selangorku.

6.6 Tadbir Urus Korporat Kurang Memuaskan

Semakan Audit

1. Walaupun Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Dan Pentadbiran MBI pernah menjalankan pengauditan pada bulan Julai 2012, MSNSH tidak menubuhkan Unit Audit Dalaman dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan seperti yang ditetapkan.
2. MSNSH masih belum menandatangani *Corporate Integrity Pledge*.
3. MSNSH telah membayar bonus pada kadar 4 bulan gaji pada tahun 2012 sedangkan prestasi keuntungan sebelum cukai tidak memberangsangkan.

Perakuan MSNSH

1. Pihak MSNSH mendapat makluman bahawa pihak MBI akan menubuhkan Unit Audit Dalaman dan akan berkuatkuasa pada tahun 2014 bagi mengaudit anak-anak syarikat di bawah MBI.
2. *Corporate Integrity Pledge* telah ditandatangani pada 13 Disember 2013.
3. Bonus yang diberikan adalah berdasarkan Terma dan Syarat Perkhidmatan Kakitangan MSNSH, perkara 5 di mana Lembaga Pengarah MSNSH mempunyai kuasa budi bicara dan kuasa budi bicara tersebut tidak perlu dimaklumkan atau dirujuk kepada pihak MBI dan MMKN. Bonus yang diberikan adalah berdasarkan kepada penilaian prestasi kakitangan serta pencapaian syarikat. Ini juga adalah untuk mengelakkan pembayaran cukai yang tinggi kepada Lembaga Hasil.
4. Pihak MSNSH mengambil maklum dengan teguran audit dan akan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah MBI pada masa akan datang serta mengguna pakai pekeliling yang dikeluarkan oleh MBI.

Penemuan Jawatankuasa


1. Amalan membayar bonus tanpa memaklumkan kepada pihak MBI, Kerajaan Negeri dan MMKN akan menyebabkan amalan budaya yang tidak sihat.
2. Amalan pemberian bonus kepada kakitangan MSNSH tidak berpandukan prestasi syarikat MSNSH. Memandangkan pada tahun 2012, syarikat mengalami kerugian sedangkan bonus 4 bulan diberikan sebanyak RM 113,039. Jawatankuasa mengambil serius perkara ini.

7. SARANAN JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa memandang serius kejadian Kerajaan Negeri tidak mengetahui KBKNS adalah milikan kerajaan sehingga Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan pada 4 Februari 2014. KBKNS mungkin bukan satu-satu aset yang “dilepas pandang” oleh Kerajaan Negeri dan MBI. Dengan ini, Jawatankuasa menyaran supaya Kerajaan Negeri membuat satu audit yang menyeluruh untuk mengenalpasti kesemua aset milik kerajaan dan MBI. Kerajaan negeri juga harus ada satu sistem pemantauan yang menyeluruh untuk memastikan semua aset-aset kerajaan diurus dengan baik.
2. Selain itu, ini bukan kali pertama Jawatankuasa menemui kes anak syarikat menandatangi perjanjian berat sebelah yang tidak mempunyai *exit clause* seperti perjanjian antara MSNSH dan syarikat pengendali Carlton Hotel. Dengan ini, Jawatankuasa menyaran kerajaan negeri dan MBI supaya menyemak semula perjanjian berat sebelah yang ditandangani oleh semua anak-anak syarikat dan mengenalpasti puncanya samada kecuaian atau penyelewangan. Jawantankuasa berharap kerajaan negeri dapat mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai yang membuat kesilapan sehingga mengakibatkan perjanjian berat sebelah ditandatangani dan menyebabkan kerugian anak-anak syarikat.
3. Pada masa akan datang, MSNSH harus memastikan setiap perjanjian pengurusan yang mempunyai implikasi kewangan yang besar dimaklumkan kepada pihak MBI dan dibentangkan dalam MMKN.
4. Pihak MBI dan MSNSH harus mencari jalan untuk menyelesaikan hutang terkumpul yang tinggi yang diwarisi oleh MSNSH.
5. MSNSH harus memastikan pemberian bonus adalah berpandukan kepada prestasi dan perkara seperti pemberian bonus pada tahun 2012 tidak diulangi lagi. Pemberian bonus juga harus dimaklumkan kepada pihak MBI dan dibentangkan di dalam MMKN.
6. MSNSH harus meningkatkan prestasi pulangan atas aset supaya keuntungan yang dijana daripada aset-aset sekurang-kurangnya boleh menanggung kos penyelenggarannya. Tetapi untuk jangka masa pendek, pihak MBI perlu memberikan bantuan kewangan kepada MSNSH memandangkan ia tidak mampu untuk menbiayai kos penyelenggaran sendiri. Pembantuan kewangan ini adalah untuk memastikan supaya aset-aset dibawah MSNSH yang dalam keadaan buruk seperti yang ditunjukkan di Laporan Audit Negara dapat disempurnakan dalam masa yang terdekat.
7. Secara keseluruhannya, model perniagaan MSNSH perlu dikaji semula. Ia harus ada satu rancangan ataupun strategi yang lebih profesional untuk menguruskan aset-aset supaya dapat meningkatkan prestasi kewangan syarikat.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 5 November 2014.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat
(JP-ABAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS):

- | | |
|--|-----------|
| i)Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii)Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| iii)Y.B. Puan Yeo Bee Yin
(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |
| iv)Y.B. Puan Gan Pei Nei
(ADN Kawasan Rawang) | Ahli |
| v)Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |

URUS SETIA

- i)Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

